

## TOLERANSI DAN AKTIVITI SOSIAL ANAK-ANAK

Kamarul Azmi Jasmi  
Mohd Rafeez Razi  
Mohamad Shafiq Shidun

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Razi, M. R., Shidun, M. S. (2012). Toleransi dan Aktiviti Sosial Anak-Anak in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 141-162. ISBN 978-967-0194-24-0 .

### Abstrak

Apabila bercakap mengenai masa hadapan, sudah semestinya pelbagai perkara yang akan kita gambarkan. Baik mahupun buruk, sudah semestinya segala-galanya menjadi persoalan. Perkara paling utama yang menjadi topik perbincangan dalam kalangan manusia ialah soal pemimpin masa hadapan kelak. Dari aspek ini, kita sudah boleh lihat apa yang akan berlaku kelak. Oleh itu, Ibu bapa, guru-guru dan orang dewasa perlu bertindak sebaiknya dalam mendidik anak-anak (Saat Sulaiman, 2008: 43). Kanak-kanak didefinisikan sebagai seorang yang digelar budak atau anak kecil yang dimaksudkan sebagai manusia muda iaitu yang belum mencapai kematangan (baligh) serta belum tahu membuat keputusan dengan sendirinya. Melalui definisi, kita boleh membuat keputusan bahawasanya anak-anak atau kanak-kanak ini memerlukan pembimbing. Untuk berhadapan dengan masa hadapan kelak, ianya bukan perkara yang mudah. Oleh itu, langkah-langkah terperinci perlu dilaksanakan untuk memastikan kehidupan anak di masa hadapan lebih terjamin (H. Mazahein, 2004: 115). Topik yang kami pilih ini lebih tertumpu kepada isu toleransi dan aktivisme sosial. Kedua-dua aspek ini amat penting untuk diaplikasikan oleh anak-anak di masa hadapan kelak. Antaranya, menjadi pemimpin yang tidak mementingkan diri, bertoleransi, membantu orangyang berada dalam keadaan kesusahan dan sebagainya. Oleh itu, Ibu bapa, guru-guru dan orang dewasa akan menjadi agen atau tonggak utama dalam merealisasikan aspek ini dalam diri anak-anak.

# 8

## TOLERANSI DAN AKTIVITI SOSIAL ANAK-ANAK

Kamarul Azmi Jasmi  
Mohd Rafeez Razi  
Mohamad Shafiq Shidun

### Abstrak

*Apabila bercakap mengenai masa hadapan, sudah semestinya pelbagai perkara yang akan kita gambarkan. Baik mahupun buruk, sudah semestinya segala-galanya menjadi persoalan. Perkara paling utama yang menjadi topik perbincangan dalam kalangan manusia ialah soal pemimpin masa hadapan kelak. Dari aspek ini, kita sudah boleh lihat apa yang akan berlaku kelak. Oleh itu, Ibu bapa, guru-guru dan orang dewasa perlu bertindak sebaiknya dalam mendidik anak-anak (Saat Sulaiman, 2008: 43). Kanak-kanak didefinisikan sebagai seorang yang digelar budak atau anak kecil yang dimaksudkan sebagai manusia muda iaitu yang belum mencapai kematangan (baligh) serta belum tahu membuat keputusan dengan sendirinya. Melalui definisi, kita boleh membuat keputusan bahawasanya anak-anak atau kanak-kanak ini memerlukan pembimbing. Untuk berhadapan dengan masa hadapan kelak, ianya bukan perkara yang mudah. Oleh itu, langkah-langkah terperinci perlu dilaksanakan untuk memastikan kehidupan anak di masa hadapan lebih terjamin (H. Mazabein, 2004: 115). Topik yang kami pilih ini lebih tertumpu kepada isu toleransi dan aktivisme sosial. Kedua-dua aspek ini amat penting untuk diaplikasikan oleh anak-anak di masa hadapan kelak. Antaranya, menjadi pemimpin yang tidak mementingkan diri, bertoleransi, membantu orang yang berada dalam keadaan kesusahan dan sebagainya. Oleh itu, Ibu bapa, guru-guru dan orang dewasa akan menjadi*

*agen atau tonggak utama dalam merealisasikan aspek ini dalam diri anak-anak.*

## **PENGENALAN**

Sebagai bakal pemimpin masa depan negara, cita-cita, misi dan visi negara akan terletak di bahu anak-anak kita sekarang ini. Mereka harus didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang mampu menyemai sikap kepimpinan di dalam diri mereka pada usia muda lagi. Mari kita lihat pemimpin-pemimpin kita dahulu seperti Allahyarham Tengku Abdul Rahman di mana beliau mampu mendapatkan kemerdekaan dan akhirnya dapat kita kecapai nikmat kemerdekaan ini sudah lebih dari 50 tahun tanpa pertumpahan darah. Sikap toleransi dan bijaksana beliau bekerjasama dengan pemimpin kaum cina dan india dapat menundukkan kuasa besar British untuk memberikan kemerdekaan di negara kita. Sikap seperti inilah yang kita patut tonjolkan di dalam diri anak-anak kita untuk mengekalkan kesejahteraan pada masa hadapan negara kita ini (Harry Miller, 1959: 7). Jika diimbangi kembali bagaimana pemimpin terulung Islam, Rasulullah s.a.w., mewujudkan piagam madinah iaitu undang-undang bertulis pertama di dunia. Undang-undang ini bukan sahaja menyebut tentang kepentingan dan hak-hak orang Islam, tetapi hak-hak dan kepentingan orang yahudi dan nasrani yang menetap di madinah ketika itu juga dinyatakan. Hal ini demikian menunjukkan sikap toleransi Rasulullah s.a.w. sebagai pemimpin terhadap rakyatnya di Madinah. Oleh itu, sikap yang terpuji ini haruslah diterapkan pada anak-anak kita sekarang sebagai langkah masa depan negara yang cerah (Ahmad Syafii Maarif, 1996: 141). Abdul Monir Yacob dalam bukunya "Islam Hadhari: Himpunan isu kontemporari" berkata:

*Perpaduan ummah merupakan satu aspek yang amat penting yang menentukan jatuh bangun pemimpin dan juga masyarakat. Malah melalui perpaduan jugalah yang akan menentukan kejayaan para*

*pemimpin dalam tempoh mereka memegang tampuk kepimpinan. Maka para pemimpin yang mampu membawa dan melihaksa perpaduan sewajarnya diiktiraf sebagai pemimpin yang berjaya dalam kepimpinan.*

(Abdul Monir Yaacob, 2005: 132).

Berdasarkan kata-kata ini jelas bahawa perpaduan dipupuk daripada semangat toleransi antara sesama manusia. Apabila toleransi terbina dalam diri sudah tentu mudah bagi sesebuah tamadun itu bersatu padu.

## **DEFINISI**

Menurut *Kamus Dewan*, toleransi bermaksud sikap sabar dan bertolak ansur atau berlebih kurang, sikap dapat menerima atau menghormati pendapat, fikiran dan kepercayaan orang lain. Paul Rogat Loeb dalam bukunya *Soul of a Citizen*, 2010 mendefinisikan sosial aktivis sebagai usaha untuk menggerakkan perubahan sosial di dalam kalangan masyarakat. Anak anak ini boleh ditanamkan dalam diri mereka dengan sikap-sikap pemimpin apabila menjadi orang dewasa kelak. Antaranya:

- (1) Menggunakan cara yang bernas, untuk menerangkan kepentingan sikap toleransi dan aktivis dan ganjaran mereka.
- (2) Terbuka untuk soalan-soalan yang diajukan oleh anak-anak kita tentang perbezaan.
- (3) Memberi kanak-kanak ini tanggungjawab untuk membentuk perhubungan dengan lain.
- (4) Menyediakan peluang untuk aktivis sosial.
- (5) Menyediakan model yang optimis untuk yang lain.
- (6) Membuatkan mereka menilai sikap toleransi dan keadilan sosial.

Berdasarkan contoh sikap-sikap pemimpin yang diberikan ini, dapat kita simpulkan bahawa anak-anak perlu dipupuk dengan sedemikian supaya mereka dapat mengaplikasikan sikap-sikap tersebut pada masa hadapan agar menjadi seorang pemimpin yang hebat.

## **LANGKAH MEMUPUK SIKAP TOLERANSI DAN AKTIVIS SOSIAL**

Sebagai ibu bapa, peranan yang paling penting adalah mendidik anak-anak dari kecil hingga dewasa. Dalam proses ini, pelbagai perkara perlu dititikberatkan bagi melahirkan anak-anak yang baik. Sikap toleransi dan aktivis sosial antara perkara yang perlu dipupuk dalam kalangan anak-anak. Tanggungjawab ini bukan sahaja bergantung kepada ibu bapa, malah guru-guru dan orang dewasa juga berperanan memupuk kedua-dua perkara ini. Antara langkah-langkah yang perlu di ambil untuk memupuk sikap toleransi dan aktivis sosial dalam kalangan anak-anak ialah amalan dan percakapan ibu bapa, pengaruh lain daripada ibu bapa, guru dan toleransi, persekitaran sosial yang besar, mengajar toleransi dan aktivis sosial dan perkembangan kanak-kanak, psikologi yang sihat, toleransi dan keadilan sosial.

### **AMALAN DAN PERCAKAPAN IBU BAPA**

Menurut pandangan Islam, ibu bapa merupakan tunggak utama dalam mendidik anak-anak di muka bumi ini. Anak-anak diibaratkan seperti kain putih dan ibu bapalah yang akan mencorakkannya sama ada menjadi baik atau buruk. Dalam konteks ini, kita dapat lihat betapa besarnya tanggungjawab ibu bapa untuk membentuk anak-anak mereka. Setiap perilaku, amalan mahupun percakapan ibu bapa menjadi contoh untuk anak-anak walaupun perkara itu baik atau buruk (H.Mazahein, 2005: 115). Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ  
وَالْحِجَارَةُ

Maksud: “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu”

(Surah *al-Tabrim*, 66:6)

Firman Allah seperti ini cukup memberi penjelasan dan bukti bahawasanya peranan ibu bapa itu cukup besar dalam mendidik anak-anak. Oleh itu, ibu bapa tidak boleh memandang remeh dalam melaksanakan tanggungjawab ini.

Toleransi dan aktivis sosial merupakan dua perkara penting yang diperlukan untuk mendidik anak menjadi seorang pemimpin. Dalam bahasa Arab, toleransi bermaksud tasamuh dan menurut *Kamus Dewan* (2005) memberi maksud kesabaran. Toleransi merupakan satu sikap pegangan hidup dalam masyarakat yang memberi makna tidak idealism, tidak fanatik, tidak mementingkan diri sendiri, mempunyai sikap keterbukaan, realistik, muafakat, tolak ansur, sabar, dan menghormati orang lain. Manakala, aktivisme sosial ialah usaha untuk menggalakkan, menghalang, atau mengarahkan perubahan sosial.

Bagi merealisasikan kedua-dua aspek ini, ibu bapa merupakan agen yang paling sesuai. Hall (2008: 151) mendapati bahawa kanak-kanak perlu mendapat pelajaran mengenai aktivisma sosial, tolenrasi dan tindakan sosial daripada orang dewasa supaya mereka dapat mempertimbangkan diri mereka dan mengetahui bahawasanya mereka perlu melalui pembangunan yang positif.

Anak-anak perlu diberitahu mengenai kepentingan sikap toleransi agar mereka tahu bagaimana untuk mengaplikasikan sikap tersebut suatu hari kelak. Pendedahan mengenai sikap toleransi perlu ditonjol melalui pelbagai cara. Sebagai contoh, ibu bapa perlu memberitahu anak-anak mereka mengenai keamanan yang dicapai oleh sesebuah negara diperolehi dari sikap toleransi itu sendiri. Menghormati tetangga, tidak bersikap mementingkan diri sendiri dan tidak menandatangani mudarat merupakan aspek yang dititikberatkan dalam mewujudkan keamanan dalam sesebuah negara itu (Muhammad Said Mursi, 2004: 27).

Berdasarkan contoh daripada ajaran Islam dan amalan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di mana Baginda mengajak bersama penduduk Madinah dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam mengikat perjanjian untuk membentuk sebuah negeri di Madinah. Maka, termeterailah Sahifah Madinah hasil daripada sikap toleransi antara puak. Selain itu, ianya dapat menunjukkan sikap toleransi Baginda Rasulullah s.a.w. dengan penduduk bukan Islam bagi membentuk identity masyarakat Madinah sebagai satu umat (Abdul Monir Yaacob, 2005: 65).

Mari kita kupas sebuah hadis nabi Muhammad s.a.w. di mana ibu bapa boleh menjadikan panduan untuk memupuk sikap toleransi dalam kalangan anak-anak. Rasulullah s.a.w. bersabda (al-Tirmidhi, 1994: 1867; Ahmad, 1994: 6278; al-Darimi, t.t.: 2330):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ خَيْرُ الْأَصْحَابِ عِنْدَ اللَّهِ  
خَيْرُهُمْ لِصَاحِبِهِ وَخَيْرُ الْجِيرَانِ عِنْدَ اللَّهِ خَيْرُهُمْ لِجَارِهِ

Maksud: “Sebaik-baik sahabat di sisi Allah adalah yang paling baik di antara mereka terhadap sesama saudaranya. Dan sebaik-baik tetangga di sisi Allah adalah yang paling baik di antara mereka terhadap tetangganya”

(Al-Tirmidhi, Ahmad, dan al-Darimi)

Daripada hadis ini, jelas kita lihat bahawa sebaik-baik insan Muslim adalah dia yang terbaik hubungan sosialnya dengan semua tetangganya, baik Muslim mahupun bukan Muslim.

Berbalik semula kepada perbincangan mengenai aktivisme sosial pula di mana ia didefinisikan sebagai satu tindakan yang disengajakan untuk membawa kepada perubahan sosial. Konsep ini juga amat penting untuk masa hadapan anak-anak terutama dalam hidup bermasyarakat. Ibu bapa sekali lagi memainkan peranan penting untuk menerangkan soal ini kepada anak-anak mereka.

Tujuan menerangkan kepada anak-anak mengenai aktivisme sosial adalah untuk membentuk anak-anak yang boleh memimpin pada masa hadapan kelak. Tambahan pula, ia membantu membentuk komuniti yang kuat di samping menggalakkan sosial, ekonomi dan kesihatan psikologi (Hall, 2008: 150-152).

Dalam konteks ini juga, ibu bapa perlu menerapkan ciri-ciri seorang pemimpin kepada anak-anak supaya mereka dapat mencontohnya dan mengaplikasikan pada masa hadapan kelak. Rasulullah s.a.w. menegaskan bahawa (al-Bukhari, 1994; Muslim, 2001),

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ أَلَا كَلِّمَكُمْ رَاعٍ وَكَلِّمَكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksud: *Ibnu Umar dari Nabi s.a.w. bahwa beliau bersabda: "Ketahuilah, Kalian semua adalah pemimpin, dan kalian semua bertanggungjawab atas rakyat yang dipimpinnya."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan tegasan yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Hal ini demikian, jelas dibuktikan bahawa ibu bapa memikul tanggungjawab yang penting dalam mendidik anak-anak. Sebagai contoh, jika anak-anak mengabaikan kewajipannya, ayah perlu mengingatkannya dan jika anak-anak melakukan kejahatan, maka ayah perlu mencegahnya. Begitu juga sekiranya anak-anak melakukan kebaikan atau kebajikan, ayah seharusnya memuji dan mendorong mereka untuk mempertahankan kebajikan itu (Muhammad Said Mursi, 2008: 56).

Kanak-kanak amat memerlukan mesej yang tepat dari orang dewasa sepanjang zaman kanak-kanak mereka supaya komitmen mereka terhadap aktivisme sosial dapat ditunaikan. Jelas kita dapat perkatakan di sini bahawa setiap mesej daripada orang dewasa yang akan disampaikan kepada kanak-kanak sangat penting untuk membentuk seorang kanak-kanak itu.

## PENGARUH LAIN DARIPADA IBU BAPA

“Melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Pepatah ini begitu sinonim dengan masyarakat melayu islam yang membawa maksud mendidik anak-anak biarlah dari usia kanak-kanak agar dapat membentuk seorang anak yang berwibawa tinggi, berakhlak mulia dan berhati mulia (James Garbarino, 1995: 1-3). Melalui pepatah itu juga kita dapat lihat sekali lagi betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

Kita masih berbicara mengenai pengaruh atau peranan ibu bapa dalam menerapkan sikap toleransi dan aktivisme sosial dalam diri anak-anak. Dalam perbincangan kali ini, kita akan membawa pengaruh lain yang perlu ditonjolkan ibu bapa kepada anak-anak. Sebagai permulaan, perkenalkan konsep berdasarkan hadis di mana orang yang tidak menyayangi tidak akan disayangi. Al-Bukhari meriwayatkan bahawa Abu Hurairah r.a. berkata (al-Bukhari, 1994: 3254; Muslim, 2001: 4282):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ الْأَقْرَعَ بْنَ حَابِسٍ أَبْصَرَ النَّبِيَّ ﷺ وَهُوَ يَقْبَلُ حُسَيْنًا فَقَالَ إِنَّ لِي عَشْرَةَ مِنْ الْوَلَدِ مَا فَعَلْتُ هَذَا بَوَّاحِدٍ مِنْهُمْ فَقَالَ رَسُولُ ﷺ مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يَرْحَمُ

Maksud: *Abu Hurairah berkata, "Al-Aqra' bin Habis melihat Nabi s.a.w. mencium Hasan bin Ali (cucu beliau) dan di samping beliau duduk Al-Aqra bin Habis al-Tamimi. Al-Aqra berkata, "Saya mempunyai sepuluh anak, tidak seorang pun di antara mereka yang pernah saya cium. "Rasulullah s.a.w. melihat kearah al-Aqra, lalu beliau bersabda, "Barangsiapa tidak menyayangi, maka ia tidak akan disayang."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Daripada riwayat ini, kita dapat kaitkan dengan peranan ibu bapa di mana mereka perlu mencontohi Rasulullah s.a.w. supaya anak-anak mereka menjadi manusia yang menitikberatkan sikap belas kasihan kepada orang lain. Hal ini demikian merupakan salah satu aktivisme sosial yang baik yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat apabila anak-nak dewasa kelak (Muhammad Said Mursi,2004: 23).

Hall (2008: 152) menerangkan satu lagi istilah dalam bukunya iaitu “emosi yang sihat” yang bermaksud ibu bapa yang telah membentuk ikatan (bonding) emphatic dengan anak mereka, yang memodelkan sikap prososial terhadap orang lain. Kajian ini menyokong keperluan awal kemahiran ibu bapa yang berkait dengan sikap anak-anak sepanjang tumbesaran mereka.

Selain itu, Ibu bapa perlu membimbing anak-anak untuk meyertai atau terlibat dalam aktiviti-aktiviti kerohanian. Aktiviti-aktiviti kerohanian ini merupakan perkara yang dipandang mulia di dalam agama islam. Oleh itu, sudah semestinya aktiviti ini dapat membantu anak-anak menjadi insan berguna di masa hadapan kelak. Ibu bapa juga perlu mendidik anak mereka bagaimana untuk membantu masyarakat yang berada dalam keadaan susah. Agama Islam mahupun agama-agama lain menggalakkan pengikut mereka melibatkan diri dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik di samping berhubung dengan mereka.

Selain daripada itu juga, pendidikan dan agama merupakan dua laluan yang penting untuk laluan aktivisme sosial. Sekiranya semua panduan ini dapat dilaksanakan, pasti ibu bapa dapat membentuk anak-anak yang bertanggungjawab untuk masyarakat di masa hadapan kelak (Sharon K Hall,2008: 151).

## **GURU DAN TOLERANSI**

Selain ibu bapa, guru-guru juga memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak ini tentang sikap toleransi. Guru juga mempunyai kelebihan tersendiri dalam mendidik anak-anak ini

tentang sikap toleransi dan aktivis sosial kerana ianya seiring dengan profesion mereka sebagai seorang guru (Hall, 2008: 154).

Guru-guru juga boleh menjadi seorang model yang baik untuk anak-anak kita contohi berbanding ibu bapa kerana guru-guru dilatih untuk menunjukkan personaliti yang positif di depan anak-anak kita. Jikalau kita melihat dari perspektif Islam, guru memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat, betapa besarnya ganjaran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T pada hambaNya yang menyebarkan ilmuNya (Ismail Kamus, 2009: 54).

Terdapat banyak cara yang boleh dilakukan oleh guru untuk mendidik kanak-kanak ini bersikap toleransi seperti memberikan mereka kerja berkumpulan, dan gurulah yang harus memilih ahli dalam kumpulan ini. Seperti yang kita tahu semua, anak ini hanya akan memilih rakan-rakan mereka sahaja, tetapi tidak lagi kerana guru haruslah memecah tembok itu supaya kanak-kanak ini bergaul dengan orang yang mereka tidak rapat di kelas. Hal ini demikian boleh meningkatkan lagi skill komunikasi di kalangan mereka. Guru juga boleh mengusulkan pada pihak sekolah untuk mewujudkan kempen-kempen, teknik yang baru untuk melatih anak-anak ini untuk menjadi seorang pemimpin. Terdapat sebuah sekolah di Amerika Syarikat yang mewujudkan hari “Mix-it-up-at Lunch Day”, pada hari yang tersebut, kanak-kanak digalakkan untuk makan tengahari dengan orang yang mereka tidak rapat pada satu meja, ini secara tidak langsung boleh meningkatkan aktivis sosial mereka, meningkatkan skill komunikasi dikalangan mereka (Hall, 2008: 156).

Mari kita sama-sama lihat apakah pendekatan Islam untuk mewujudkan suasana ini. Sebagai contoh, di Sekolah Menengah Agama Sheikh Haji Ahmad Said Seremban (SHAMS), pelajar-pelajar dilatih untuk menjadi imam kita solat fardu di sekolah, menjadi imam dan khatib ketika solat jumaat. Cara ini amat berkesan untuk memupuk sifat kepimpinan di dalam diri pelajar pada usia muda lagi. Di dalam buku *Raising Kids in The 21st Century* tulisan Hall (2008: 155), terdapat satu kajian yang

dijalankan oleh seorang pakar psikologi bernama Reed A.Larson. Beliau merupakan seorang pakar dalam bidang perkembangan anak-anak dan remaja. Beliau percaya perkembangan positif anak-anak dapat dicapai dengan dorongan motivasi. Larson berpendapat dengan kurikulum yang betul kita akan dapat mendorong anak-anak kita untuk berfikir dengan luas dan kritis. Beliau juga percaya orang dewasa haruslah mengizinkan anak-anak ini menggunakan kekreatifan masing-masing dalam menyelesaikan masalah, membiarkan mereka menyertai aktiviti sukarelawan adalah salah satu cara konsep memotivasikan diri pelajar-pelajar ini. Sebagai contoh menyertai aktiviti kokurikulum seperti khidmat komuniti dan aktiviti perkhidmatan dalam agama dapat mempromosi naluri motivasi untuk toleransi dan aktivis sosial untuk masyarakat nanti (Hall, 2008: 155).

Pada zaman moden ini, anak-anak kita banyak terdedah dengan anasir-anasir luar yang tidak sihat sebagai contoh, media massa sama ada elektronik mahupun cetak yang kurang ditapis, internet yang pada zaman ini boleh diperoleh di corok-corok kampung. Mereka senang terpengaruh dengan bahan yang tidak bertapis di internet, ini menyebabkan masalah sosial yang lebih parah timbul. Ibu bapa mungkin sukar untuk memahami anak-anak ini kerana situasi ini tidak wujud pada zaman ibu bapa dahulu, jikalau ibu bapa tidak dapat menangani masalah ini dengan bijak, ia akan mewujudkan salah faham diantara ibu bapa dan anak-anak. Salah faham ini akan lebih parah jikalau ibu bapa asyik membandingkan zaman anak-anak ini dengan zaman mereka dulu, ia akan membuatkan anak-anak ini memberontak (H. Mazahein, 2005: 115-117). Mari dan cuba kita imbas kembali pesanan Sayidina Umar Al Khatab r.a iaitu:

عَلِّمُوا أَوْلَادَكُمْ عَلَىٰ غَيْرِ شَاكِلَتِكُمْ فَإِنَّهُمْ مَخْلُوقَاتُ لَزْمَانٍ غَيْرِ زَمَانِكُمْ.

Maksud: "Didiklah anak-anakmu bukan seperti didikan zamanmu, kerana mereka diciptakan mengikut zamannya yang bukan pada zamanmu"

Jadi ketika inilah golongan akademik seperti guru memainkan peranan yang penting terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak ini, seiring dengan teknologi yang berkembang pesat pada masa sekarang. Guru boleh menggunakan pendekatan yang diminati kanak-kanak seperti menggunakan laman web sosial facebook untuk menggalakkan kanak-kanak ini berinteraksi dengan dunia luar, tetapi ianya haruslah dipantau supaya tidak disalahgunakan (Abdul Monir Yaacob, Norhanizah Ismail, 2005: 32).

Ada sebahagian kanak-kanak ini yang menganggap sekolah itu rumah mereka yang kedua, mereka lebih selesa di sekolah kerana dapat bersama rakan-rakan, bermain tanpa diawasi oleh ibu bapa. Jadi, ada sesetengah anak-anak ini yang lebih senang terpengaruh dengan rakan-rakan mereka, lebih senang mengikut cakap rakan berbanding dengan ibu bapa. Jadi tanpa peranan guru untuk memantau, anak-anak kita berkemungkinan untuk terpengaruh dengan anasir yang tidak baik. Guru-guru haruslah menggunakan hubungan ukhwh anak-anak, remaja ini dengan meyakinkan mereka untuk menyertai aktiviti sukarelawan di luar, seperti menyertai persatuan belia di kawasan penempatan. Hal ini demikian bukan sahaja melatih sikap toleransi dan menyemarakkan aktivis sosial di dalam diri anak-anak dan remaja bahkan mereka akan menjadi lebih berdikari tanpa mengharapkan ibu bapa dan guru, sekaligus meningkatkan sifat kepimpinan berkaliber di dalam diri anak-anak dan remaja (Hall, 2008: 154-156)

## **PERSEKITARAN SOSIAL YANG BESAR**

Selain ibu bapa dan guru-guru, masyarakat juga menjadi faktor yang besar untuk mengembangkan sikap-sikap ini dalam diri anak-anak. Banyak ganjaran yang Allah berikan kepada sesiapa yang berbakti pada ibu bapanya dan masyarakat seperti maksud dalam firman Allah, surah al-ankabut ayat 8:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ  
 عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksud: “Dan kami wasiatkan kepada manusia untuk berbuat baik kepada orang tuanya, dan bila keduanya menyuruhmu untuk menyekutukan aku yang tidak ada ilmu untuk mu maka jangan kamu taati keduanya, kepada-Ku lah kalian kembali maka akan kabarkan kepada kalian dengan apa yang kalian amalkan.”

(Surah *al-Ankabut* 29:8)

Berdasarkan firman Allah ini, dapat kita kupaskan bahawa Islam amat menitikberatkan konsep atau sikap menghormati orang tua dan balasan yang setimpal akan dikenakan kelak di akhirat nanti sekiranya tidak berbuat demikian.

Di dalam Islam (H. Mazahein, 2005: 115), kanak-kanak diangkat tinggi, malah mana-mana agama pun akan bersetuju bahawa anak-anak, remaja kita sekarang ini adalah sangat penting kerana merekalah masa depan dunia ini dan merekalah yang akan mencorakkan dunia ini. Jika kita imbas kembali sejarah Islam, siapakah pahlawan yang menentang tentera salib bagi mempertahankan baitulmaqdis? Jawapannya ialah Salahuddin Al-Ayubi. Apakah caranya untuk mendapatkan pemimpin sebegitu pada peringkat rebungnya? Salahuddin adalah remaja yang sangat bagus budi pekertinya, kebijaksanaanya dan bermacam lagi. Untuk menjadi panglima perang pada dewasanya, beliau memerlukan sikap toleransi yang tinggi dan hubungan sosial yang baik sebagai ketua, agar semua askar patuh akan perintah beliau. Tidakkah kita ingin melihat Salahuddin Al-Ayubi kedua pada zaman moden ini? Tidakkah kita ingin melihat anak-anak kita menjadi tokoh yang terkenal seperti beliau, yang dapat mengangkat balik Islam di mata dunia dan menjadi kuasa dunia seperti zaman pemerintahan Khalifah al-Rasyidin

dan empayar Turki Uthmaniyyah? Jawapannya terletak di tangan ibu bapa, guru-guru dan juga masyarakat kita sekarang ini (Danial Zainal Abidin, 2007: 140).

Perkara yang masyarakat boleh lakukan ialah dengan mengajak anak-anak muda ini menyertai aktiviti yang di lakukan di kampung ataupun di taman perumahan misalnya, seperti gotong royong dan menyertai aktiviti rukun tertangga. Jikalau kita mengambil contoh kehidupan di kampung, anak-anak muda aktif untuk menyertai aktiviti yang di anjurkan oleh jawatankuasa kampung seperti majlis korban sempena Aidiladha dan ada pula yang dilatih menjadi imam di masjid kampung. Perkara ini sangat baik kerana lama-kelamaan anak-anak inilah yang akan menjadi generasi yang akan menyambung pucuk kepimpinan kampung itu.

## **MENGAJAR TOLERANSI DAN AKTIVIS SOSIAL**

Apabila berbicara mengenai soal mengajar atau mendidik kanak-kanak, sebenarnya ianya tidak tertumpu kepada tugas seorang guru sahaja. Ianya berkait juga dengan ibu bapa dan orang dewasa. Ketiga-tiga pihak ini amat penting dalam proses mengajar toleransi dan aktivis sosial. Tugas ini merupakan cabaran besar kerana bukan mudah untuk mengajar anak-anak mengenai nilai-nilai baik, bertoleransi kepada orang lain dan bagaimana untuk bertindak atas kepercayaan mereka. Beberapa strategi telah digariskan untuk para guru oleh Hall (2008: 157) dalam buku beliau. Antaranya:

- (1) Mempunyai kesedaran mengenai identiti sosial sendiri, tetapi tidak terhad kepada etnik asal, jantina, agama, kelas, ableisme dan sebagainya.
- (2) Berhadapan dengan sikap berat sebelah mereka dan cuba bertanya mereka bagaimana keadaan mereka dimaklumkan dengan menggunakan konsep “keistimewaan jantina” dan sebagainya.
- (3) Mengingati bahawa semua orang dewasa masih belajar bagaimana untuk menghadapi berat sebelah mereka dan bertindak balas pada mereka.

- (4) Mengetahui bahawa kebenaran kanak-kanak adalah sangat penting.

Strategi-strategi yang telah digariskan ini boleh digunakan oleh seorang guru untuk mendidik kanak-kanak dan para guru boleh menilai sejauh mana strategi-strategi tersebut berkesan.

Menurut pandangan Islam pula, dalam kehidupan sosial, kita tidak boleh membezakan darjat, warna kulit dan kedudukan kerana agama Islam mendidik umatnya supaya bersatu padu untuk menegakkan keamanan dalam sesebuah masyarakat. Firman Allah S.W.T. :

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتُمْ إِذْ أَنْتُمْ إِنْ اللَّهُ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.

(Surah al-Hujurat, 49:13)

Dari firman Allah S.W.T. Hal ini demikian, kita dapat simpulkan bahawa Islam tidak membeza-bezakan umatnya sebaliknya menyeru umatnya supaya berkenalan dan perkara yang paling penting dan mendapat kedudukan mulia di sisi Allah S.W.T. ialah takwa. Para guru, ibu bapa dan orang dewasa perlu mendidik anak-anak seperti yang telah disarankan al-Quran supaya anak-anak menjadi seorang yang bertoleransi di masa hadapan kelak. Adalah lebih baik, sekiranya anak-anak yang dididik itu menjadi

seorang pemimpin, sudah semestinya anak-anak itu menjadi seorang pemimpin yang bertoleransi terhadap rakyatnya bukan seorang yang mementingkan diri sendiri.

Selain itu, Weisten and Obear (Hall, 2008: 158) telah memberi beberapa tip yang boleh diguna pakai untuk ibu bapa mahupun orang dewasa untuk mendidik anak-anak. Pertama, ibu bapa mahupun orang dewasa perlu menilai kategori sosial yang membantu perkembangan positif kanak-kanak. Kedua, Ibu bapa dan orang dewasa haruslah menitikberatkan latar belakang keluarga mereka, asal-usul etnik kepercayaan agama, kebolehan fizikal dan aspek lain yang mana ianya penting kepada mereka. Secara khususnya kita dapat perkatakan bahawa ibu bapa, guru dan orang dewasa sangat bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak terutama dari segi toleransi dan aktivis sosial.

### **PERKEMBANGAN ANAK-ANAK, PSIKOLOGI YANG SIHAT, TOLERANSI DAN KEADILAN SOSIAL**

Perkara seterusnya yang perlu dititikberatkan dalam memupuk sikap toleransi dan aktivis sosial dalam kalangan kanak-kanak ialah perkembangan kanak-kanak, psikologi yang sihat, toleransi dan keadilan sosial. Perkembangan kanak-kanak di pandang dari pelbagai sudut seperti perkembangan di rumah, sekolah dan komuniti. Semua perkara ini berkait rapat dan penting untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai psikologi yang sihat. Kanak-kanak yang mempunyai psikologi yang sihat merupakan aset yang penting kerana mereka boleh membina masyarakat yang lebih baik untuk masa hadapan kelak (Hall, 2008: 160).

Menurut perspektif Islam, Ibu bapa merupakan pengaruh paling awal untuk perkembangan anak-anak. Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa “Melentur buluh biarlah dari rebungnya” kerana anak-anak diibaratkan seperti kain putih, Ibu bapa yang mencorakkanya. Jelas dapat dibuktikan di sini bahawa perkembangan kanak-kanak itu sebenarnya bermula dari ibu bapa. Islam juga

telah menjadikan perkara mendidik anak-anak ini sebagai satu perkara yang wajib dan Ibu bapa yang tidak melaksanakan perkara ini dengan baik merupakan ibu bapa yang berdosa besar (H. Mazaheini, 2005: 115). Rasulullah s.a.w. bersabda yang maksudnya (al-Bukhari, 1994: 2398; Muslim, 2001: 3055):

عَنْ النُّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ قَالَ تَصَدَّقَ عَلَيَّ أَبِي بِبَعْضِ مَالِهِ فَقَالَتْ أُمِّي  
 عَمْرَةَ بِنْتُ رَوَاحَةَ لَا أَرْضَى حَتَّى تَشْهَدَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَأَنْطَلِقَ أَبِي إِلَيَّ  
 النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَشْهَدَهُ عَلَى صَدَقَتِي فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ  
 أَفَعَلْتِ هَذَا بِوَلَدِكَ كُلِّهِمْ قَالَ لَا قَالَ اتَّقُوا اللَّهَ وَاعْدِلُوا فِي أَوْلَادِكُمْ فَرَجَعَ  
 أَبِي فَرَدَّ تِلْكَ الصَّدَقَةَ

Maksud: *Nu'man bin Basyir dia berkata, "Ayahku pernah memberikan sebagian hartanya kepadaku, lantas Ummu 'Amrah binti Rawabah berkata, "Saya tidak akan rela akan hal ini sampai kamu meminta Rasulullah s.a.w. sebagai saksi." Setelah itu saya bersama ayahku pergi menemui Nabi s.a.w. untuk memberitabukan pemberian ayahku kepadaku, maka Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Apakah kamu berbuat demikian kepada anak-anakmu?" dia menjawab, "Tidak." Beliau bersabda: "Bertakwalah kepada Allah dan berbuat adil terhadap anak-anakmu." Kemudian ayahku pulang dan meminta kembali pemberiannya itu."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan riwayat ini, dapat kita ulaskan bahawa anak-anak merupakan amanah Allah yang bernilai dan Ibu bapa memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam membimbing mereka.

Perkembangan sosial dan kognitif kanak-kanak sememangnya berkembang dengan bantuan orang dewasa yakni ibu bapa. Psikologi mereka yang sihat juga bergantung pada orang dewasa yang men-

getengahkan dan mendidik mereka dengan toleransi dan keadilan. Di samping itu, boleh dikatakan bahawa toleransi global dan keadilan sosial amat bergantung pada generasi akan datang yakni kanak-kanak (Hall, 2008: 161). Islam telah menganjurkan perkara sedemikian lebih awal kerana perkara tersebut telah dinyatakan dalam sebuah hadis Nabi Muhammad s.a.w., seperti yang telah dinyatakan ini.

Selain itu, wujudnya orang dewasa atau ibu bapa yang mempromosikan sikap komitmen kepada masyarakat dan belas kasihan kepada orang dan persekitaran juga membantu dalam perkembangan kanak-kanak. Dalam erti kata lain, apabila ibu bapa sangat megambil berat dalam perkembangan kanak-kanak ini, mereka akan menjadi lebih baik dalam membentuk kanak-kanak sehingga kanak-kanak ini menjadi aktivis di masa hadapan nanti. Walaubagaimnapun, bukan mudah untuk ibu bapa berlaku sedemikian kerana itu merupakan satu tanggungjawab yang besar tetapi mereka boleh merujuk atau melaksanakan beberapa langkah untuk menjadi ibu bapa yang lebih baik. Antaranya, mencari pengetahuan yang lebih mengenai perkembangan kanak-kanak dengan membaca pelbagai sumber dan meluangkan lebih masa untuk mempelajari perkara ini. Dengan cara ini, ibu bapa dapat menjadi seorang yang lebih arif dalam bidang ini. Islam tidak pernah terlepas pandang dalam mendalami perkara ini, dalam satu hadis (Muslim);

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ أَلَّا كَلِّكُمْ رَاعٍ وَكَلِّكُمْ مَسْئُولٌ  
عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ  
وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ  
بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ

Maksud: *Ibnu Umar dari Nabi s.a.w., bahwa beliau bersabda: "Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin manusia akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua.*

(Muslim)

Hadis ini menyatakan bahawa besarnya tanggungjawab ibu bapa dalam memikul tanggungjawab mendidik anak-anak dari pelbagai aspek. Hadis tersebut juga membuktikan bahawa Islam tidak pernah terlepas pandang dalam menitikberatkan perkara ini.

Seperti yang kita tahu,ibu bapa tidak pernah terlepas dari tanggungjawab terhadap anak-anak walaupun anak-anak ini telah membesar, mahupun yang telah berkahwin.Terdapat kisah Rasulullah s.a.w. masih mengejut anaknya Fatimah untuk bangun subuh, walaupun Fatimah sudah berkahwin dengan Saidina Ali, dalam hadis riwayat Bukhari (1994: 1085) dan Muslim (2001: 1968);

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ  
 أَلَمْ أَخْبِرْ أَنَّكَ تَقُومُ اللَّيْلَ وَتَصُومُ النَّهَارَ قُلْتَ إِنِّي أَفْعَلُ ذَلِكَ قَالَ  
 فَإِنَّكَ إِذَا فَعَلْتَ ذَلِكَ هَجَمْتَ عَيْنَكَ وَنَفَهْتَ نَفْسَكَ لِعَيْنِكَ حَقٌّ  
 وَلِنَفْسِكَ حَقٌّ وَلِأَهْلِكَ حَقٌّ فَمُؤْنَمٌ وَصَمٌّ وَأَفْطَرٌ

Maksud: *Abdullah bin Amru r.a., ia berkata; Rasulullah s.a.w. bertanya kepadaku, "Bukankah telah dikabarkan kepadaku, bahwa kamu solat sepanjang malam dan berpuasa sepanjang hari?" saya menjawab, "Sungguh, saya benar-benar telah melakukan hal itu." beliau bersabda: "Sungguh, jika kamu melakukan hal itu, maka*

*kedua matamu akan binasa. Kedua matamu mempunyai hak atas dirimu, dan keluargamu juga mempunyai hak atas dirimu. Karena itu, hendaklah kamu bangun (solat lail) dan tidurlah. Kemudian berpuasalah kamu dan juga berbukalah."*

*(Muslim)*

Hadis ini menyatakan hak kita terhadap diri kita, dan hak anak kita terhadap diri kita. Maka kita haruslah bertanggungjawab terhadap anak kita walaupun mereka sudah besar kerana ini adalah hak anak kita terhadap kita.

Secara kesimpulannya, dapat kita perkatakan bahawa perkembangan anak-anak itu perlu dititikberatkan dan tidak boleh dilaksanakan secara sambil lewa. Di samping itu. Ibu bapa, guru-guru dan orang dewasa perlu tahu bahawa tanggungjawab inimestilah dilaksanakan dengan baik agar anak-anak yang dibentuk itu menjadi seorang pemimpin yang terbaik.

## **PENUTUP**

Sebagai permata yang diharapkan bersinar pada masa hadapan, kita haruslah menggilap bakat anak-anak ini pada tahap maksimum, menanamkan sikap toleransi yang mendalam dalam diri anak-anak dan meransang untuk melakukan aktivis sosial dalam kalangan mereka ataupun dalam masyarakat. Orang dewasa haruslah banyak berkorban untuk keselesaan anak-anak ini, supaya mereka dapat menggunakan keupayaan maksimum untuk meningkat jati diri dan sikap toleransi di dalam diri. Hal ini demikian akan membantu mereka sama ada pada masa sekarang ataupun suatu hari nanti untuk melakukan aktivis sosial yang lebih besar dan memberi impak yang besar untuk negara. Seperti yang diperkatakan berulang kali sebelum ini, kita harus mendidik anak kita sehingga wujudnya Salahuddin Al-Ayubi pada zaman moden ini dan menaikkan taraf Islam sehingga bangkit balik empayar Islam seperti empayar Turki Uthmaniyyah. Permulaan ini terletak

ini bahu ibu bapa, guru-guru dan masyarakat dalam membentuk anak-anak.

Secara kesimpulannya, semua perkara yang telah dibincangkan ini seperti amalan dan percakapan ibu bapa, pengaruh lain daripada ibu bapa, guru dan toleransi, persekitaran sosial yang besar, mengajar toleransi dan aktivis sosial dan perkembangan kanak-kanak, psikologi yang sihat, toleransi dan keadilan sosial perlu diterapkan dalam proses mendidik kanak-kanak. Semua pihak yang terlibat dan bertanggungjawab dalam melaksanakan perkara ini tidak boleh sama sekali memandang remeh dan bersikap acuh tidak acuh kerana hasilnya cukup besar untuk masa hadapan kelak.

## RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob, Norhanizah Ismail. 2005. *Islam Hadhari Himpunan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbitan Institut Kefahaman Malaysia.
- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman b. al-Ash'ath al-Sajastani. 1994. *Sunan Abi Daud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad b. Hambal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Ahmad Syafii Maarif. 1996. *Islam Dan Politik*. Jakarta: Gema Insani Press Sdn. Bhd.
- Aidil Mushtafa Abdul Halim. 2007. *Kisah Bapa Dan Anak Dalam Al-Quran*. Jakarta: Gema Insani.
- Al-Bukhari, al-Imam. 1994. *Sahih Al-Bukhari*. (Tahqiq: Shaikh Abd al-Aziz 'Abdullah). Jil. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah b. Bahram. t.t. *Sunan al-Darimi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'aib ibn 'Ali ibn Bahr ibn Sinan ibn Dinar. 1930. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiyah*

- al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'aib Abu 'Abd al-Rahman. 1991. *Sunan al-Nasa'i al-Kubra*. Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, al-Imam. 1994. *Sunan al-Tarmidhi*. Jilid 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Danial Zainal Abidin. 2007. *Tips-tips Cemerlang Dari Quran*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- H.Mazahein. 2005. *Akhlak Untulk Semua*. Jakarta: Al-Huda Publications.
- Hary Miller. 1959. *Prince And Premier*. Singapura: G.C.Harrad Co.Ltd.
- James Garbarino. 1995. *Raising Children in A Socially Toxic Environment*. 350 Sansome Street, San Frasco. California.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Ke-4. Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Said Mursi. 2004. *Seni Mendidik Anak*. Kairo: Penerbitan Dar al-Tauzi Waan-Nasyr Al-Islamiyah.
- Muslim, al-Imam Abu al-Husain Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Qushairi al-Naisaburi. 2001. *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- Saat Sulaiman. 2008. *Anak Adalah Anugerah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Sharon.K.Hall. 2008. *Raising Kids In The 21st Century*. United Kingdom. Backwell Publication.
- Yusuf Al-Qardhawi. 2003. *Dimana Punca Kelemahan Umat Islam Masa Kini*. Kuala Lumpur: Penerbitan Al-Hidayah Publisher.